

JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

2022
LAPORAN TAHUNAN

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK





JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

2022
LAPORAN TAHUNAN

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK

ISI KANDUNGAN

Pendahuluan I
Dasar alam sekitar negara II
Visi, misi & objektif III
Fungsi & strategi IV
Prakata VII

A. Bahagian Operasi **1**
Penguatkuasaan Punca Tetap 2
Penguatkuasaan Projek Eia 23
Aduan 30
Pendakwaan 33
Lesen 35

B. Bahagian Pembangunan **44**
Input Pembangunan 45
Environmental Impact Assesment (Eia) 50
Pengawasan 52
Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar 64

Cawangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak **81**
Cawangan Taiping 82
Cawangan Teluk Intan 88
Cawangan Gopeng 107

Pentadbiran **111**

PENDAHULUAN

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak (JAS Perak) ditubuhkan pada bulan Julai 1985 dan dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam sekeliling 1974 (Akta 127) dan peraturan-peraturan di bawahnya bagi memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar terjamin. Bagi memenuhi polisi Dasar Alam Sekitar Negara dan menyokong pembangunan lestari dan mampan di Negeri Perak, tiga pejabat Jabatan Alam Sekitar telah diwujudkan iaitu pejabat JAS Cawangan Taiping yang telah ditubuhkan pada 2 Januari 2006 dan pejabat JAS Cawangan Teluk Intan telah ditubuhkan pada 12 Mei 2007, manakala pejabat JAS Gopeng telah ditubuhkan pada 7 Oktober 2010 sebagai pusat ujian semula kenderaan perdagangan.

Bersesuaian dengan fungsi sebagai agensi yang menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127) bagi mengawal pencemaran alam sekitar, pelaksanaan aktiviti dan program alam sekitar di Negeri Perak adalah berlandaskan kepada konsep pembangunan lestari yang mengutamakan keseimbangan pembangunan fizikal di samping pemuliharaan alam sekitar. Seiring dengan Kerajaan Negeri Perak yang komited dalam menjadi peneraju kelestarian sumber dan alam sekitar dengan mewujudkan suatu pelan yang holistik bagi mempromosikan agenda “Perak Bumi Lestari”.

DASAR ALAM SEKITAR NEGARA

Pengurusan alam sekitar di Malaysia mula berkuatkuasa berikutan pewartaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127) pada 14 April 1974 dan disusuli dengan penubuhan agensi Bahagian Alam Sekitar pada tahun 1975 dan seterusnya pembentukan Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1983. Selaras dengan kepesatan pembangunan negara, maka Dasar Alam Sekitar Negara (DSAN) telah diperkenalkan dan digubal pada tahun 2002 dengan menggabungkan tiga elemen pembangunan lestari iaitu pembangunan ekonomi, sosial dan budaya di samping pemuliharaan alam sekitar.

Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari. Tujuan DASN adalah untuk mencapai; (1) Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan, (2) Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan berkesan semua sektor masyarakat, dan (3) Cara hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari.

Terdapat lapan (8) prinsip di bawah DASN untuk mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar iaitu:

1. **Pengawasan Alam Sekitar**
2. **Pemuliharaan Ketahanan dan kepelbagaian Alam**
3. **Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar**
4. **Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Asli**
5. **Membuat Keputusan Bersepadu**
6. **Peranan Sektor Swasta**
7. **Komitment dan Kebertanggungjawaban**
8. **Penyertaan Aktif dalam Masyarakat Antarabangsa**

VISI

"Pemuliharaan Alam Sekitar untuk Kesejahteraan Rakyat"

MISI

"Memastikan Pembangunan Lestari di dalam proses memajukan Negara"

OBJEKTIF

Objektif berikut telah ditetapkan oleh JAS Perak bagi memastikan keberkesanan pengurusan alam sekitar di Negeri Perak serta memastikan keberkesanan pengurusan alam sekitar di Negeri Perak iaitu:

- Mempertingkatkan pemuliharaan dan memperbaiki keadaan kualiti alam sekitar sedia ada yang meliputi segmen udara, air, air laut dan tanah;
- Memberikan fokus pengurusan dan kawalan pencemaran bermula dari puncanya;
- Mencegah masalah alam sekitar daripada berbangkit dengan memastikan pemaju mengambilkira semua faktor-faktor alam sekitar dalam perancangan dan perlaksanaan dasar, program dan pelan projek-projek pembangunan; dan
- Mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dengan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam usaha memulihara, mengawal dan mencegah kemerosotan kualiti alam sekitar di Negeri Perak.

FUNGSI

JAS Perak telah memberikan penekanan kepada fungsi-fungsi berikut di dalam usaha mencapai objektif yang telah ditetapkan:

- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- Memproses laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA);
- Meneruskan program-program pengawasan kualiti alam sekitar yang meliputi segmen udara, air sungai, air bawah tanah dan air laut serta perairan pantai;
- Menerapkan input-input alam sekitar dalam penilaian kesesuaian tapak dan permohonan kelulusan bertulis bagi pemasangan alat pembakaran bahan api dan alat-alat kawalan pencemaran; dan
- Melaksanakan program-program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar.

STRATEGI

Berikut adalah strategi atau pendekatan yang diambil oleh JAS Perak bagi memastikan kualiti alam sekitar dapat diperbaiki dan dipulihara:-

- Melaksanakan program kawalan dan pencegahan pencemaran;
- Memberikan penekanan terhadap program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar kepada orang awam dan golongan pelajar;
- Mengadakan kerjasama erat dengan agensi-agensi Persekutuan dan Negeri di dalam pengurusan alam sekitar selain terlibat secara aktif di dalam Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian Peringkat Negeri Perak;
- Mempertingkatkan keupayaan untuk mengenalpasti punca-punca pencemaran dan membangunkan pangkalan data yang lebih komprehensif dan sistematik; dan
- Menjalankan aktiviti pemantauan pencemaran alam sekitar melalui udara dan rondaan darat.



Peta 1.0: Lokasi pejabat JAS Negeri Perak dan pejabat JAS Cawangan

	**JAS NEGERI PERAK (IBUPEJABAT NEGERI)** Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak Tingkat 4, Bangunan Sri Kinta Jalan Sultan Idris Shah 30000 Ipoh, Perak Tel: 05-254 2744 / **05-257 4749** Faks: 05-255 8595
	**JAS CAWANGAN TAIPING** Jalan Kampung Jambu 4, Kampung Jambu, 34000 Taiping, Perak Tel: 05-806 0858 Faks: 05-806 0875
	**JAS CAWANGAN TELUK INTAN** No. 1, Medan Sri Intan Jalan Sekolah 36000 Teluk Intan, Perak Tel: 05-621 4498 Faks: 05-621 4501
	**JAS GOPENG** Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gopeng 23, Lorong Industri 1/2, Kawasan Perindustrian Gopeng, 31350 Ipoh, Perak Tel: 05-354 1570 Faks: 05-354 1577

PRAKATA PENGARAH

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan 2022 yang merangkumi pencapaian dan pelaksanaan program pada tahun tersebut.

Pihak Jabatan sentiasa komited dalam melaksanakan usaha yang berterusan untuk mencegah dan mengawal pencemaran di negeri Perak walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan pada tahun 2022. Pelbagai tindakan perundangan telah dikenakan atas pelanggaran undang-undang yang ditemui. Pihak pemain industri sentiasa diingatkan untuk menjalankan peraturan kendiri atau 'self regulated' setiap masa untuk mematuhi semua peraturan-peraturan yang ditetapkan. Sekiranya ia dilaksankan secara konsisten, kualiti alam sekitar di Negeri Perak akan terus terpelihara.

Selain daripada pelbagai penguatkuasaan yang telah dijalankan, pihak Jabatan telah melaksanakan program-program kesedaran alam sekitar dengan penglibatan pelbagai pihak di bawah program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA). Ianya selaras dengan sasaran Pembangunan Lestari atau 'Sustainable Development Goal (SDG) dan Sasaran Alam Sekitar Lestari atau 'Environmental Sustainable Goal' yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dan selari dengan misi Kerajaan Negeri Perak menjadi 'Perak Bumi Lestari'. Kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan pembangunan lestari sangatlah dipuji.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan komitmen mereka kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak dalam melaksanakan tugas murni untuk alam sekitar yang kondusif, selamat dan lestari serta meningkatkan kualiti kehidupan khususnya demi kesejahteraan masyarakat di negeri Perak Darul Ridzuan.

"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"



DATO' TS. DR HJ MOHAMMAD EZANNI BIN MAT SALLEH, DIMP, SIJ, PSI II

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak

A. BAHAGIAN OPERASI

- PENGUATKUASAAN PUNCA TETAP
- PENGUATKUASAAN PROJEK EIA
- ADUAN
- PENDAKWAAN
- LESEN



JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

PENGUATKUASAAN PUNCA TETAP

KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Pelaksanaan kawalan pencemaran alam sekitar adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan dibawahnya.

KAWALAN & PENGUATKUASAAN PUNCA TETAP

Sektor industri merupakan aktiviti pengilangan atau pembuatan yang berpotensi menghasilkan pencemaran alam sekitar. Premis punca tetap atau premis pengilangan di Negeri Perak ini, dikawal dan dipantau oleh unit penguatkuasaan punca tetap. Terdapat tiga (3) seksyen yang mengawalselia premis punca tetap di JAS Ipoh iaitu Seksyen Perak Utara, Seksyen Perak Tengah dan Seksyen Perak Selatan. Setiap seksyen dibahagikan mengikut kawasan parlimen sebagaimana **Jadual 1.1**

Bil	Seksyen	Parlimen
1	Seksyen Perak Utara	Parlimen Ipoh Barat, Parlimen Tambun, Parlimen Sungai Siput, Parlimen Padang Rengas, Parlimen Kuala Kangsar, Parlimen Lenggong, Parlimen Gerik
2	Seksyen Perak Tengah	Parlimen Ipoh Timur, Parlimen Gopeng, Parlimen Batu Gajah
3	Seksyen Perak Selatan	Parlimen Tanjung Malim, Parlimen Tapah, Parlimen Kampar

Jadual 1.1 : Pembahagian Parlimen Bagi Seksyen Punca Tetap

Pada Tahun 2022, sebanyak 940 pemeriksaan penguatkuasaan telah dijalankan ke atas Premis Yang Ditetapkan (PYDT), Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) dan Sistem Pengolahan Kumbahan (SPK) manakala pada tahun sebelumnya iaitu pada Tahun 2021, sebanyak 1360 pemeriksaan telah dijalankan. Bilangan pemeriksaan mengikut jenis punca tetap adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1.1**.



Rajah 1.1 : Perbandingan bilangan pemeriksaan PYDT, PYBDT dan IWK bagi Tahun 2021 & Tahun 2022.



Gambarfoto 1.1 : Pemantauan bagi penilaian pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2004 yang dilakukan pada waktu siang dan juga malam.



Gambarfoto 1.2 : Pemantauan bagi melihat status pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Bagi memastikan kerja-kerja penguatkuasaan dan pemantauan yang berkesan, tindakan susulan telah di ambil ke atas kilang-kilang yang tidak mematuhi peraturan-peraturan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Tindakan penguatkuasaan yang akan di ambil jika berlaku ketidakpatuhan adalah berdasarkan kesalahan yang telah dilakukan. Antara tindakan berikut adalah Arahan di Lapangan, Notis Arahan, Kompaun, Penahanan Operasi Kelengkapan, Gantung Lesen serta Penyediaan Kertas Siasatan. Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil sepanjang Tahun 2021 dan Tahun 2022 adalah seperti pada **Jadual 1.2**.

Tindakan	Tahun 2021	Tahun 2022
Arahan di lapangan (*field citation*)	324	295
Notis Arahan	211	114
Kompaun	1771	726
Penahanan Operasi Kelengkapan (POK)	38	11
Gantung Lesen	1	0
Kertas Siasatan	93	18

Jadual 1.2 : Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil sepanjang Tahun 2021 dan Tahun 2022



Rajah 1.2 : Perbandingan tindakan penguatkuasaan bagi Tahun 2021 & 2022



Gambarfoto 1.3 : Tindakan penguatkuasaan yang dikenakan kepada premis yang tidak patuh.



Gambarfoto 1.4 : Pegawai JAS Perak melihat status pematuhan ke atas Peraturan peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

RONDAAN OMPT

Pasukan Punca Tetap turut menjalankan aktiviti Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) di sekitar kawasan dalam Negeri Perak. Operasi ini tertumpu pada waktu hujung minggu dan ditingkatkan ketika cuaca kering bagi mengelakkan aktiviti pembakaran terbuka yang berpotensi memburukkan kualiti udara sekitar. Notis larangan pembakaran terbuka akan ditampal di lokasi bersesuaian disamping pengedaran risalah 'Larangan Pembakaran Terbuka' untuk memberikan kesedaran kepada orang awam.



Gambarfoto 1.5 : Notis larangan pembakaran terbuka yang diletakkan di kawasan yang bersesuaian.

SIDANG MEDIA OPS GEMPUR PRA RAYA SEMPENA HARI BUMI SEDUNIA 2022

Pada 28 April 2022, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak, YB Mohd Akmal Bin Kamarudin telah mengadakan Sidang Media Ops Gempur Pra Raya yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak pada hari ini.

Ops Gempur Pra Raya sempena Hari Bumi Sedunia 2022 ini telah dijalankan pada 26 hingga 28 April 2022 di Kawasan Perindustrian Puncak Jelapang Maju, Kawasan Perindustrian Ringan Jelapang dan Kawasan Perindustrian Meru di Ipoh. JAS Perak memfokuskan kawasan industri yang terletak bersebelahan dengan kawasan kediaman yang berpotensi menimbulkan aduan awam yang tinggi sekiranya pihak industri tidak mengamalkan pematuhan kendiri yang tinggi terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Ops gempur secara bersepadu ini telah melibatkan 10 pasukan penguatkuasaan dengan kekuatan 32 anggota menghasilkan tindakan penguatkuasaan seperti 27 arahan di lapangan, 22 notis arahan, 62 kompaun dan 2 kertas siasatan. Turut hadir bersama di dalam sidang media ini termasuklah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jelapang, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, Haji Rosli Bin Zul dan Timbalan Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, Tuan Abdul Aziz Bin Parmin serta pegawai-pegawai kanan JAS Perak.



Gambarfoto 1.6 : Sesi sidang media Ops Gempur Pra Raya oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak, YB Mohd Akmal Bin Kamarudin.

OPS AIR RAYA 2022 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK

Pada 6 Julai 2022 Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak telah menjalankan Ops Air Raya 2022 yang menumpukan premis-premis industri yang beroperasi di sekitar Kawasan Perindustrian Tasek, Ipoh.

Sebanyak lapan (8) premis industri telah diperiksa mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya. Hasil pemeriksaan dan operasi tersebut sebanyak tujuh (7) arahan di lapangan, lapan (8) notis arahan, tiga puluh satu (31) kompaun dan satu (1) kertas siasatan telah dikenakan terhadap premis-premis yang tidak patuh. Ops ini digerakkan dengan kekuatan anggota penguatkuasa seramai dua puluh dua (22) orang dari enam (6) pasukan penguatkuasa. Selain itu, pemantauan kualiti udara persekitaran juga telah dilakukan bagi mendapatkan data kualiti udara ambient.



Gambarfoto 1.7 : Pegawai JAS Perak yang menyertai Ops Air Raya 2022



Gambarfoto 1.8 : Infografik Ops Air Raya 2022



Gambarfoto 1.9 : Aktiviti taklimat awal Ops Air Raya 2022, penguatkuasaan dan juga pemantauan kualiti udara *ambient.*

OPERASI KILANG HARAM MANONG

Pada 14 Disember 2022, satu operasi bersepadu diadakan melibatkan pelbagai agensi termasuk Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perak, Jabatan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan Negeri Perak dan Pejabat Penghulu Manong Senggang serta wakil akhbar tempatan. Semua agensi/jabatan berkaitan akan mengambil tindakan berdasarkan peruntukan perundangan masing-masing.

Sejurus selesai operasi bersepadu tersebut, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak telah mengadakan satu sidang media yang disampaikan oleh YB Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak bertempat di Pejabat Penghulu Mukim Senggang, Manong, Kuala Kangsar, Perak. Tujuan sidang media diadakan adalah untuk menyatakan bahawa Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak dan agensi berkepentingan komited untuk menangani aduan berhubung pengoperasian kilang haram yang telah diadu oleh penduduk setempat di Kampung Tasek Perkasa dan Kampung Bekor, Kuala Kangsar, Perak. Turut hadir bersama adalah YB Dr. Hashim Bin Bujang, Ahli Dewan Undangan Bukit Chandan.



Gambarfoto 1.10 : YB Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak & YB Dr. Hashim Bin Bujang, Ahli Dewan Undangan Bukit Chandan yang turut sama menyertai operasi bersepadu.



Gambarfoto 1.11 : Agensi luar dan juga pihak media yang menyertai operasi bersepadu.



Gambarfoto 1.12 : Sidang media diadakan sejurus operasi bersepadu dijalankan

OPS KILANG HARAM PARIT

Pada 17 Disember 2022, satu serbuan ke atas sebuah kilang lebur logam telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak dalam operasi bersepadu. Ops ini telah diketuai oleh YB Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak.

Turut hadir bersama Pengarah JAS Perak, Haji Rosli Bin Zul dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Encik Abdul Aziz Bin Parmin. Pelbagai agensi berkepentingan telah terlibat di dalam Ops tersebut. Antaranya termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Majlis Daerah Perak Tengah, PDRM, Jabatan Perhutanan Negeri Perak serta wakil akhbar tempatan. Setiap agensi atau jabatan berkaitan telah diminta untuk mengambil tindakan di bawah bidang kuasa dan peruntukan undang undang agensi masing-masing.



Gambarfoto 1.13 : Operasi Bersepadu Kilang Haram Parit yang telah dihadiri oleh pelbagai agensi.

KERATAN AKHBAR

Ops Gempur: 85 peratus premis sekitar Ipoh tidak patuh Akta Kualiti Alam Sekeliling

Aida Aziz
April 28, 2022 17:13 MYT



Mohd Akmal hadir pada sidang media Ops Gempur Pra Raya di Ipoh pada Khamis. - Foto Astro AWANI

IPOH: Hanya 15 peratus atau empat premis yang mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dalam Operasi Gempur (Ops Gempur) Pra Raya yang dijalankan di kawasan perusahaan sekitar Ipoh.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Mohd Akmal Kamarudin berkata daripada jumlah itu, 85 peratus atau 22 premis didapati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Mohd Akmal berkata, Ops Gempur itu dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak bersempena Hari Bumi Tahun 2022 yang berlangsung selama tiga hari bermula Selasa lalu

Sumber : https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ops-gempur-85-peratus-premis-sekitar-ipoh-tidak-patuh-akta-kualiti-alam-sekeliling-359050?fbclid=IwAR28jOAJi2TGnOjJ7tiAx65YK192eJY4VbJdTUV2LuYX_udr_z9be1dTG38

2 kilang cemar alam sekitar disita [METROTV]

Balqis Jazimah Zahari
am@hmetro.com.my



Gopeng: Jabatan Alam Sekitar (Jas) Perak sudah mengenakan tindakan sita terhadap sebuah lagi kilang memproses bahan skrap yang disyaki menjadi punca pencemaran bau dipercayai bahan kimia di sekitar Simpang Pulai, Ipoh.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi negeri Mohd Akmal Kamarudin berkata, ia adalah kilang memproses skrap dan bahan buangan terjadual kedua di sita selepas satu kilang turut di sita baru-baru ini.

Katanya, susulan aduan yang dibuat oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Simpang Pulai, Tan Kar Hing sebelum ini beliau turun sendiri ke lokasi untuk berbincang dengan Adun itu dan Pejabat Adun.

"Kita saling bekerjasama kerana agak sukar untuk mengenal pasti bau itu datang daripada mana-mana kilang kerana terdapat lebih 100 kilang yang terdapat di sekitar kawasan itu.

Sumber : https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/04/832678/2-kilang-cemar-alam-sekitar-disita-metrotv?fbclid=IwAR2C9cO4-4OoY-dHLMXQlMOUIrqzuH1IXvhawa5CxL8FUpg0uA797S9OZcQ



Sumber : https://www.bharian.com.my/berita/kes/2022/12/1039570/dua-kilang-peleburan-sisa-terjadual-haram-disita

BERITA >Semasa

Peralatan kilang keluar asap busuk disita

oleh NORMAWATI ADNAN 15 Disember 2022 08:52am Masa membaca: 2 minit



JAS memeriksan peralatan digunakan bagi aktiviti peleburan logam yang disyaki beroperasi secara haram hingga menghasilkan asap busuk di Kampung Bekor pada Rabu.

Sumber : https://www.sinarharian.com.my/article/236119/berita/semasa/peralatan-kilang-keluar-asap-busuk-disita

Kilang proses peleburan logam haram diserbu

Bernama
Disember 15, 2022 09:20 MYT



Sewaktu serbuan, kilang yang terletak lebih 2km dari jalan utama itu bagaimanapun telah dikosongkan dan hanya meninggalkan peralatan, jentera dan sisa bahan yang telah diproses. - Foto Sinar Harian

KUALA KANGSAR: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak menyerbu sebuah kilang yang dikesan menjalankan aktiviti peleburan logam secara haram di sebuah ladang kelapa sawit berhampiran Kampung Tasek Perkasa dan Kampung Bekor di sini petang semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri Teh Kok Lim berkata siasatan awal JAS mendapati kilang berkenaan dipercayai menjalankan aktiviti peleburan logam dengan menggunakan buangan terjadual SW110 (elektrik dan elektrikal) sebagai satu daripada bahan mentah.

Sumber : https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kilang-proses-peleburan-logam-haram-diserbu-396892

JAS sita bahan mentah, peralatan kilang proses sisa buangan terjadual

Abd Razak Mohd Ali
Disember 15, 2022 08:45 MYT



Teh (kanan) mendengar penerangan Rosli (kiri) ketika meninjau persekitaran kilang yang dikesan menjalankan aktiviti peleburan logam secara haram di Kampung Tasek Perkasa, Kuala Kangsar, semalam. --fotoBERNAMA

KUALA KANGSAR: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak menyita bahan mentah dan peralatan dua kilang memproses sisa buangan terjadual di sini, selepas didapati beroperasi secara haram.

Dalam masa sama, polis dan pihak berkuasa tempatan akan memantau kilang berkenaan yang terletak di Seberang Manong dan Senggang bagi memastikan ia tidak lagi beroperasi.

Sumber : https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jas-sita-bahan-mentah-peralatan-kilang-proses-sisa-buangan-terjadual-396917

HOME BERITA UTAMA COVID 19 EKSKLUSIF RENCANA ENGLISH SECTION LUAR NEGARA VIDEO P

Dua kilang peleburan sisa terjadual haram disita



Teh Kok Lim bersama Rosli meninjau keadaan kilang peleburan logam dari sisa e-waste di Kampung Bekor, di sini yang dikenakan tindakan penahanan operasi atau sitaan kelengkapan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), semalam selepas didapati beroperasi secara haram. – Foto NSTP/Muhammad Zulsyamini

KUALA KANGSAR: Dua kilang peleburan logam sisa buangan elektrik dan elektronik (e- waste) di Kampung Bekor, di sini, dikenakan tindakan sitaan kelengkapan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), semalam selepas didapati beroperasi secara haram sehingga didakwa menjejaskan kesejahteraan penduduk berhampiran.

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Perak, Teh Kok Lim, berkata tindakan itu dilakukan selepas JAS Perak menerima aduan penduduk berhubung pencemaran bau busuk dari satu daripada kilang terbabit yang mengeluarkan asap tebal dan didakwa turut menyebabkan pedih mata serta tekak.

Beliau berkata, difahamkan kilang yang memproses sisa terjadual SW 110 terbabit beroperasi sejak empat bulan lalu.

Sumber : https://my-tv.online/2022/12/15/dua-kilang-peleburan-sisa-terjadual-haram-disita/

JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

PENGUATKUASAAN EIA

PENGUATKUASAAN PROJEK EIA

Sejumlah **107** siasatan penguatkuasaan samada di darat atau badan air telah dijalankan pada tahun 2022 untuk mengenalpasti status fasa pembangunan dan pematuhan kepada syarat kelulusan EIA. (**Rajah 2.1**). Daripada jumlah itu, sebanyak **54%** adalah patuh kepada syarat-syarat kelulusan EIA manakala **46%** pula adalah tidak patuh. Dalam masa yang sama, sepanjang tahun 2022 sebanyak **47** pemeriksaan secara dekstop telah dijalankan (**Rajah 2.2**). Daripada jumlah itu sebanyak **100%** pemeriksaan adalah patuh manakala **0%** adalah tidak patuh pemeriksaan secara desktop. Pemeriksaan secara desktop adalah bertujuan memastikan pemantauan pematuhan secara berterusan melalui sistem dalam talian yang diperkenalkan oleh JAS serta melalui laporan-laporan yang perlu dikemukakan kepada JAS secara berkala.

Pada tahun 2022 juga sebanyak 11 Operasi Bersepadu telah dijalankan bersama pelbagai agensi bagi meningkatkan pematuhan projek-projek yang telah mendapat kelulusan EIA.



Rajah 2.1 : Jumlah Pemeriksaan projek-projek kelulusan EIA 2021 – 2022.



Rajah 2.2 : Pemeriksaan secara desktop bagi projek EIA 2021 – 2022.

Daripada siasatan yang dijalankan pada tahun 2022, tindakan penguatkuasaan yang telah diambil merangkumi **43 notis arahan** dan **66 kompaun** dikeluarkan manakala **3 kes** kesalahan di dalam Seksyen 34A(6), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah disyor untuk dibuka Kertas Siasatan telah dikeluarkan bagi kesalahan serius berkaitan pematuhan syarat kelulusan EIA **(Rajah 2.3).**



Rajah 2.3 : Tindakan penguatkuasaan bagi projek EIA 2021 – 2022.

PELAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMP)

merupakan komponen penting dalam pelaksanaan projek EIA kerana ia merupakan salah satu elemen untuk memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan Laporan EIA dan seterusnya pematuhan terhadap perundangan yang berkaitan dengan alam sekitar. EMP yang disediakan oleh Penggerak Projek akan menggariskan strategi dan tindakan yang perlu dilaksanakan berdasarkan amalan pengurusan terbaik untuk melindungi alam sekitar. Sehubungan itu, EMP akan memastikan segala cadangan di dalam Laporan EIA berjaya dilaksanakan dalam fasa rekabentuk akhir, pembinaan dan operasi sesuatu projek EIA.

EMP adalah dokumen yang perlu disemak dan dikemaskini berdasarkan pelbagai perubahan yang berlaku. Faktor perubahan ini berkemungkinan perubahan pada butiran projek, kawasan persekitaran dan penambahan langkah kawalan untuk mematuhi piawaian yang ditetapkan di dalam kelulusan Laporan EIA. Sepanjang tahun 2022, sebanyak **41 EMP** telah diterima dan diproses oleh JAS Perak (**Rajah 3.11**). Daripada jumlah itu, sebanyak **6 (15%)** laporan EMP yang dikemukakan ditolak untuk kemaskini, manakala **35 (85%)** laporan EMP telah dipertimbang untuk kelulusan pada tahun 2022.



Rajah 2.4 : Pemprosesan Laporan EMP dari tahun 2021 – 2022.



Gambar 2.1 : Pemeriksaan projek EIA melibatkan pelbagai agensi di Grik Perak.



Gambar 2.2 : Pemeriksaan projek EIA bersama Jabatan Audit Negara Negeri Perak.



Gambar 2.3 : Pemeriksaan projek EIA di kawasan tanah tinggi.



Gambar 2.4 : Pemeriksaan pengurusan buangan terjadual di salah satu projek yang telah mendapat kelulusan EIA.

JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

ADUAN

ADUAN JAS NEGERI PERAK 2022

Kebanyakan aduan yang diterima oleh JAS Perak adalah melalui saluran portal aduan Jabatan Alam Sekitar, e-Aduan diikuti Hotline JAS Ibupejabat 1800-88-2727 dan telefon pejabat (JAS Perak).



Rajah 3.1 : Jumlah Pemeriksaan projek-projek kelulusan EIA 2021 – 2022.

Jumlah aduan yang diterima oleh JAS Negeri Perak sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak 510 aduan. Aduan tertinggi (75%) adalah melibatkan pencemaran udara yang majoritinya adalah melibatkan aduan daripada aktiviti pembakaran terbuka.



Rajah 3.2 : Jumlah Pemeriksaan projek-projek kelulusan EIA 2021 – 2022.

Tindakan penguatkuasaan ke atas aduan yang diterima merangkumi surat arahan/field citation, notis arahan, penahanan operasi kelengkapan, mahkamah/kertas siasatan, merujuk agensi lain, kompaun, dan pemantauan sebagaimana **Jadual 3.1**.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN	BILANGAN
Surat arahan/*field citation*	90
Notis arahan	44
Penahanan operasi kelengkapan	1
Mahkamah/kertas siasatan	2
Merujuk agensi lain	215
Kompaun	15
Pemantauan	253

Jadual 3.1 : Jumlah Pemeriksaan projek-projek kelulusan EIA 2021 – 2022


JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA
PENDAKWAAN

Unit Pendakwaan Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, telah mengemukakan sebanyak lapan (8) Kertas Siasatan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya serta dua (2) Kertas Siasatan yang telah didaftarkan ke mahkamah. Pada tahun 2022 sebanyak lima (5) kes berjaya diselesaikan dimana OKS telah mengaku bersalah dan disabit kesalahan di Mahkamah.

Proses pendaftaran kes secara atas talian iaitu melalui Sistem e-Kehakiman telah diaplikasikan sepenuhnya oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak. Unit Pendakwaan juga telah berjaya menganjurkan dua (2) sesi bengkel dalaman untuk membantu pegawai-pegawai penyiasat Jabatan ini dalam penyediaan Kertas Siasatan yang berkesan.

Antara sesi latihan yang turut dianjurkan oleh Unit Pendakwaan adalah seperti berikut:-

i. Sesi dialog bersama Penasihat Undang-Undang (PUU) Jabatan Alam Sekitar pada 01 Mac 2022;
ii. Sesi taklimat penyediaan Kertas Siasatan yang berkesan oleh Penasihat Undang-Undang (PUU) Jabatan Alam Sekitar pada 17-18 Mac 2022;
iii. Sesi dialog bersama Pegawai Forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) (berkaitan siasatan kes-kes pembakaran terbuka) pada 18 Mac 2022; dan
iv. Taklimat Teknik Penyediaan Rakaman Percakapan Yang Berkesan oleh Pegawai Polis DiRaja Malaysia (Seksyen D4, Ibu Pejabat Kontinjen Negeri Perak) pada 08 Disember 2022.

JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

LESEN

PERMOHONAN LESEN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) iaitu Kilang Kelapa Sawit, Kilang Getah Asli Mentah serta Kilang Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual perlu memohon lesen daripada Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu sebelum beroperasi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN

Sesuatu premis yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 perlu memperbaharui lesen sekiranya dilesenkan dan tempoh lesen tersebut adalah selama satu tahun dari tarikh ia dikeluarkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 13, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Pemegang lesen hendaklah melakukan permohonan pembaharuan lesen pada bila-bila masa tidak kurang daripada tiga bulan dan tidak lebih empat bulan sebelum tarikh tamatnya tempoh lesen itu. Tempoh permohonan dan tarikh tamat lesen bagi premis-premis yang ditetapkan adalah dinyatakan seperti di dalam Jadual 1. Bilangan permohonan pembaharuan lesen adalah seperti di Rajah 1.

Industri	Tarikh Tamat	Tempoh Pembaharuan Lesen
Kilang Getah	31 Mac	Disember - Februari
Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual	31 Mei	Februari - April
Kilang Kelapa Sawit	30 Jun	Mac - Mei

Jadual 5.1 : Tempoh permohonan dan tarikh tamat lesen bagi PYDT



Rajah 5.1 : Bilangan Premis Yang Dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak Tahun 2022.



Rajah 5.2 : Bilangan permohonan bagi pembaharuan lesen bagi premis Yang ditetapkan Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual Tahun 2022.

PERMOHONAN LESEN PELANGGARAN

Permohonan terhadap lesen pelanggaran boleh dilakukan sekiranya ingin menjalankan penambahbaikan terhadap sistem kawalan pencemaran premis atau mana-mana sebab yang munasabah berdasarkan kepada peruntukan yang dinyatakan pada Jadual 2.

Seksyen	
22	Sekatan mengenai pencemaran udara
23	Sekatan mengenai pencemaran bunyi bising
24	Sekatan mengenai pencemaran tanahtanih
25	Sekatan mengenai pencemaran perairan daratan
	elepaskan minyak ke dalam perairan Malaysia dilarang
29	Melepaskan buangan ke dalam perairan Malaysia dilarang

Jadual 5.2 : Peruntukan yang diperuntukkan bagi lesen pelanggaran

Berdasarkan permohonan yang diterima oleh JAS Perak pada Tahun 2022, sebanyak 40 permohonan lesen pelanggaran di bawah Seksyen 22 Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 telah diterima dan diproses untuk mengeluar dan melepaskan apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan ke dalam udara dengan melanggar syarat-syarat yang ditentukan. Selain itu, sebanyak 4 permohonan melanggar had-had parameter bagi pelepasan efluen perindustrian yang diterima di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 3**.



Rajah 5.3 : Bilangan Permohonan Lesen Pelanggaran Tahun 2022.

AKTIVITI PENYINGKIRAN ENAPCEMAR

Pada tahun 2022, terdapat 16 permohonan yang diterima daripada Industri Kilang Kelapa Sawit Negeri Perak bagi menjalankan aktiviti penyingkiran enapcemar. Bagi menjalankan aktiviti ini, kelulusan bertulis di bawah **Peraturan 6**, **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977** perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum sebarang kerja-kerja penyingkiran enapcemar boleh dijalankan.

Kerja-kerja penyingkiran atau pelupusan enapemar hendaklah mengikut Garis Panduan Perlaksanaan Kerja-Kerja *Desludging* Bagi Kolam-Kolam Pengolahan Efluen di Kilang Kelapa Sawit dan Kilang Getah 2017.



Rajah 5.4 : Kerja-kerja penyingkiran enapcemar dijalankan di salah satu kolam efluen Kilang Kelapa Sawit di Negeri Perak.

PERMOHONAN PEMBERITAHUAN BERTULIS (NOTIFIKASI)

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 (PUB 2014) telah diwartakan pada 4 Jun 2014 bagi menggantikan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 (PUB 1978) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Secara umumnya, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 ini lebih memperincikan keperluan pematuhan bagi pelepasan bahan pencemar udara mengikut jenis industri dan aktiviti. Peraturan ini menyatakan dengan jelas mengenai keperluan perlaksanaan beberapa perkara yang perlu dijalankan oleh pihak premis atau industri dalam memastikan bahan pencemar udara yang dilepaskan melalui cerobong dapat mematuhi nilai batas seperti yang ditetapkan di dalam peraturan. Peruntukan di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 menyatakan keperluan untuk mengemukakan pemberitahuan secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan juga perisytiharan bertulis (Peraturan 7 (6)) bagi sebarang pemasangan, pembinaan atau pengubahsuaian yang boleh mewujudkan punca-punca pengeluaran bahan pencemar udara ke persekitaran.

Selain itu, peruntukan di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 menyatakan keperluan untuk mengemukakan pemberitahuan secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) terlebih dahulu sebelum menjalankan apa-apa kerja, pembinaan, atau peningkatan atau membuat apa-apa perubahan kepada sistem pengolahan efluen di Premis. Di bawah Peraturan 5(3) dan 5(4) pula memerlukan akuan bertulis sistem pengolahan efluen perindustrian dikemukakan di dalam bentuk yang dinyatakan selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh perlmulaan operasi.

Di samping itu juga, peruntukan di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (kumbahan) 2009 juga menyatakan keperluan untuk mengemukakan pemberitahuan secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) terlebih dahulu sebelum membuang atau melepaskan atau membenarkan pembuangan atau pelepasan kumbahan ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia.



Rajah 5.5 : Bilangan Permohonan Pemberitahuan Bertulis (Notifikasi) Mengikut Jenis Permohonan Tahun 2022.

PENGUATKUASAAN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT) BUANGAN TERJADUAL

Aktiviti penguatkuasaan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual JAS Perak dilaksanakan oleh Seksyen Perlesenan, KB & Notifikasi.

Pemeriksaan penguatkuasaan pada premis ini dijalankan melalui dua kaedah iaitu melalui pemeriksaan di premis (*Command and Control*, CAC) dan pemeriksaan secara Desktop (*Desktop Enforcement*, DE).



Rajah 5.6 : Bilangan Pemeriksaan Penguatkuasaan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual pada Tahun 2022.

STATUS PEMATUHAN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT) BUANGAN TERJADUAL

Terdapat 31 Premis PYDT Buangan Terjadual yang telah dilesenkan oleh JAS di Negeri Perak.

PEMATUHAN SYARAT LESEN

Status pematuhan bagi keseluruhan premis PYDT Buangan Terjadual yang berada di Negeri Perak terhadap syarat-syarat lesen adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 7. Status pematuhan adalah mengambilkira pematuhan terkini premis bagi tahun tersebut.



Rajah 5.7 : Status Pematuhan bagi Premis PYDT Buangan Terjadual terhadap Syarat-Syarat Lesen pada Tahun 2022

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Tindakan penguatkuasaan ke atas Premis PYDT Buangan Terjadual oleh JAS Negeri Perak bagi tahun 2022 adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 8.



TINDAKAN	BILANGAN
NOTIS ARAHAN/POK	**8**
KOMPAUN	**269**
GANTUNG LESEN	**8**
FIELD CITATION	**62**
KERTAS SIASATAN	**5**

Rajah 5.8 : Tindakan Penguatkuasaan Atas Premis PYDT Buangan Terjadual Negeri Perak Tahun 2022.

B. BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- **INPUT PEMBANGUNAN**
- **ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESMENT (EIA)**
- **PENGAWASAN**
- **PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR**



JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

INPUT PEMBANGUNAN

SEKSYEN INPUT PEMBANGUNAN 2022

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	**Ulasan input pembangunan yang telah dikeluarkan oleh JAS Negeri Perak pada tahun 2022**	1330
2	**Ulasan yang dikeluarkan mengikut kategori agensi**	
	i. Individu/perunding	183
	ii. Agensi kerajaan	39
	iii. Pihak Berkuasa Tempatan	635
	iv. Pejabat Tanah dan Daerah	230
	v. Pejabat Tanah dan Galian	243
3	**Ulasan yang dikeluarkan mengikut kategori jenis pembangunan**	
	i. Perumahan	330
	ii. Industri PYBDT	274
	iii. Perlombongan bahan mineral	173
	iv. Penternakan	130
	v. Infrastruktur/ sekolah/ hospital	78
	vi. Perniagaan/ komersial	82
	vii. Pertanian	66
	viii. Lain-lain	43

	ix.	Kuari	20
	x.	Pasir sungai/laut	21
	xi.	Stesen minyak	16
	xii.	Tanah merah	17
	xiii.	Gudang/stor	20
	xiv.	Solar	15
	xv.	Lesen air	12
	xvi.	Industry PYDT	10
	xvii.	Jalanraya/jambatan/terowong	12
	xviii.	Agropelancongan	5
	xix.	Perhutanan	1
	xx.	Pelabuhan	1
	xxi.	Pasir darat	4

Jadual 6.1 : Bilangan ulasan input pembangunan yang dikeluarkan oleh JAS Negeri Perak bagi tahun 2022.

Ulasan input pembangunan yang dikeluarkan oleh JAS Negeri Perak diperlukan oleh pihak berkuasa yang meluluskan sesuatu projek pembangunan agar pembangunan tersebut mematuhi aspek perundangan yang tertakluk di bawah bidang kuasa agensi masing-masing.

Ulasan-ulasan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah berdasarkan bidang kuasa seperti mana yang termaktub di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta garis panduan seperti *Guideline for Siting and Zoning of Industry and Residential*

Areas (SZIRA) dan *Environmental Essentials for Siting of Industries in Malaysia* (EESIM).

Tahun 2022 merekodkan jumlah keseluruhan ulasan input pembangunan yang dikeluarkan adalah sebanyak 1330 ulasan. Jumlah ini menunjukkan sedikit penurunan berbanding ulasan yang telah dikeluarkan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 1389 ulasan. Jumlah ulasan yang dikeluarkan adalah bergantung kepada jumlah permohonan yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang memerlukan ulasan ini seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Agensi-Agensi Kerajaan, Jururunding dan Individu.

Bilangan ulasan yang dikeluarkan kepada PBT merupakan paling tinggi memandangkan agensi berkenaan bertanggungjawab meluluskan sesuatu pembangunan melalui instrumen Kebenaran Merancang (KM). Jabatan Alam Sekitar merupakan ahli tetap di dalam Mesyuarat One Stop Centre (OSC) yang diurusetiakan oleh PBT bagi menilai sesuatu permohonan KM tersebut.

Pecahan ulasan yang dikeluarkan pada tahun 2022 mengikut kategori menunjukkan aktiviti perumahan (330) paling tinggi yang direkodkan diikuti dengan aktiviti perindustrian (274). Negeri Perak merupakan negeri yang memiliki tanah yang luas dan masih banyak potensi untuk dibangunkan. Negeri yang kaya dengan sumber mineral ini juga telah memfokuskan “Perlombongan Yang Lestari” sebagai salah satu agenda di dalam Pelan Perak Sejahtera 2030 sehinggakan ulasan yang dikeluarkan terhadap aktiviti perlombongan bahan mineral (173) menjadi ketiga tertinggi yang dikeluarkan oleh JAS Perak.



Gambar 6.1 : Penggunaan teknologi dron di lapangan dalam membuat penilaian input pembangunan.



Gambar 6.2 : Lawatan tapak yang dijalankan bersama agensi dapat memberikan input yang jelas kepada Pihak Berkuasa Yang Meluluskan untuk memastikan sesuatu pembangunan dijalankan secara lestari.

JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESMENT (EIA)

Penyediaan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) adalah di bawah keperluan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang mana orang yang berhasrat menjalankan satu aktiviti yang ditetapkan hendaklah menyediakan laporan tersebut untuk kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Penilaian laporan EIA adalah berdasarkan Prosedur Kualiti Laporan EIA Jadual Pertama di bawah keperluan MS ISO 9001 : 2015 dengan piagam pelanggan bagi penilaian laporan iaitu 25 hari bekerja.

Pada tahun 2022, sebanyak 37 laporan EIA yang diterima dan diproses yang melibatkan 32 projek. Daripada jumlah tersebut, 15 laporan diluluskan dan 22 laporan tidak diluluskan kerana tidak memenuhi Seksyen 34(2c), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Berikut adalah laporan EIA yang diproses berdasarkan Aktiviti Yang Ditetapkan seperti dalam graf di bawah:

LAPORAN EIA MENGIKUT AKTIVITI YANG DITETAPKAN



JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

PENGAWASAN

PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR (EQMP)

EQMP merupakan program yang merangkumi pengumpulan data bagi pemantauan kualiti udara, kualiti air sungai dan kualiti air marin di seluruh Malaysia bagi tujuan melaporkan tahap sebenar kualiti alam sekitar negara dalam usaha untuk memantau, mencegah dan mengawal pencemaran. Sistem pengawasan EQMP berperanan sebagai mekanisma amaran awal bagi kejadian pencemaran alam sekitar seperti jerebu, tumpahan minyak, bencana industri dan pelupusan buangan haram toksik serta berbahaya. Ia juga boleh membantu pembuat dasar dan keputusan ke atas aktiviti penguatkuasaan JAS dan agensi berkaitan dalam menyediakan input kepada perancangan projek-projek pembangunan. Sepanjang tahun 2021, semua stesen-stesen pengawasan beroperasi membekalkan data kualiti alam sekitar kepada pihak JAS adalah sebagaimana di **Jadual 8.1.**

KOMPONEN / COMPONENT	STESEN AUTOMATIK / AUTOMATIC STATION	STESEN MANUAL / MANUAL STATION	STESEN BERGERAK / MOBILE STATION
Udara / Air	5	1	0
Air Sungai / River Water	2	150	0
Air Marin / Marine Water	1	19	0
Jumlah Stesen / Total No. of Stations	8	170	0

Jadual 8.1 : Parameter-Parameter Pengukuran Kualiti Air Sungai.



Rajah 8.1 : Taburan Lokasi Stesen Automatik Bagi Pengawasan Kualiti Udara 2022.



Rajah 8.2 : Taburan Lokasi Stesen Automatik Bagi Pengawasan Kualiti Air Sungai 2022.



Rajah 8.3 : Lokasi Stesen Automatik Bagi Pengawasan Kualiti Air Marin 2022.

Persampelan manual bagi stesen pengawasan kualiti alam sekitar pada tahun 2022 adalah sebagaimana di **Jadual 8.2**.

KOMPONEN / COMPONENT	STESEN MANUAL / MANUAL STATION	FREKUENSI PERSAMPELAN / SAMPLING FREQUENCY	BILANGAN PERSAMPELAN / TOTAL NO. OF SAMPLING
Udara/ Air	1	Setiap 6 hari/ Every 6 days	141
Air Sungai/ River Water	150	6 kali setahun/ 6 times a year	900
Air Marin/ Marine Water	19	6 kali setahun/ 6 times a year	114

Jadual 8.2 : Bilangan Persampelan Manual Tahun 2022.

PROGRAM- PROGRAM YANG DIJALANKAN BERKAITAN PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

Stesen-stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah



Rajah 8.4 : Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Tambun.



Rajah 8.5 : Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Lahat.



Rajah 8.6 : Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Jalong 1.



Rajah 8.7 : Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Jalong 2.



Rajah 8.8 : Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Gopeng.



Rajah 8.9 : Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Batu Gajah.

PENGAWASAN KUALITI AIR MARIN

Pada tahun 2022, terdapat 19 stesen pengawasan kualiti air marin bagi pantai, muara sungai dan pulau di negeri Perak sebagaimana dalam Jadual 5.3. Terdapat lapan (8) stesen pengawasan kualiti air marin bagi pantai, enam (6) stesen bagi kuala dan lima (5) stesen bagi pulau

Pengukuran parameter-parameter bagi persampelan kualiti air marin di stesen yang ditetapkan dibuat secara in-situ dan analisa makmal. Persampelan kualiti air marin dijalankan secara berjadual dan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan iaitu sebanyak enam (6) kali setahun. Terdapat sebanyak 29 parameter yang dijalankan analisis persampelan seperti dalam **Jadual 8.3**.

BIL. / NO.	PARAMETER / PARAMETERS	KOD / CODE	UNIT / UNIT
PENGUKURAN IN-SITU / IN-SITU MEASUREMENTS			
1	Oksigen Terlarut / Dissolved Oxygen	DO	mg/l
2	pH	pH	-
3	Kemasinan / Salinity	Sal	ppt
4	Suhu / Temperature	Temp	°C
5	Kekeruhan / Turbidity	Turb	NTU
6	Konduktiviti / Conductivity	Cond	mS/cm
PENGUKURAN MAKMAL / LABORATORY MEASUREMENTS			
1	Jumlah Pepejal Terampai / Total Suspended Solid	TSS	mg/l
2	Minyak dan Gris / Oil and Grease	O&G	mg/l
3	Bebola Tar / Tarball	Tar	g/100m
4	Merkuri / Mercury	Hg	µg/l
5	Kadmium / Cadmium	Cd	µg/l
6	Kromium / Chromium	Cr^{6+}	µg/l
7	Kuprum / Copper	Cu	µg/l
8	Arsenik / Arsenic	As	µg/l
9	Plumbum / Lead	Pb	µg/l
10	Zink / Zinc	Zn	µg/l
11	Sianida / Cyanide	CN	µg/l
12	Ammonia Tidak Terion / Unionized Ammonia	NH_3	µg/l
13	Amoniakal Nitrogen / Ammoniacal Nitrogen	NH_3-N	µg/l
14	Nitrit / Nitrite	NO_2-	µg/l
15	Nitrat / Nitrate	NO_3-	µg/l
16	Fosfat / Phosphate	PO_4^{3-}	µg/l
17	Fenol / Phenol	Phenol	µg/l
18	Tributiltin / Tributyltin	TBT	µg/l
19	Total Coliform	TC	cfu/100
20	Faecal Coliform	FC	cfu/100
21	Escherichia coli	E. coli	cfu/100
22	Enterococci	-	cfu/100
23	Polycylic Aromatic Hydrocarbons	PAHs	µg/l

Jadual 8.3 : Parameter Kualiti Air Marin 2022.



Rajah 8.4 : Taburan Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin 2022.

PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI

Pengawasan kualiti air sungai meneruskan program pemantauan kualiti sungai pada 2022 untuk menentukan status kualiti air sungai dan untuk mengesan perubahan dalam kualiti air sungai. Sampel air dikumpulkan dari stesen yang ditetapkan untuk in-situ dan analisis makmal bagi menentukan ciri fizikal-kimia dan biologinya. Indeks Kualiti Air (IKA) digunakan untuk menunjukkan tahap pencemaran dan kesesuaian yang sesuai dari segi penggunaan air mengikut Standard Kualiti Air Negara (NWQS). IKA mengambil kira parameter oksigen terlarut (DO), keperluan oksigen biokimia (BOD), keperluan oksigen kimia (COD), ammoniakal nitrogen (NH3 -N), pepejal terampai (SS) dan pH

Pada 2022, kualiti air sungai dinilai berdasarkan sampel yang diambil dari sejumlah 750 stesen pemantauan manual yang merangkumi lapan (8) lembangan sungai di negeri Perak seperti dalam Jadual 5.5. Persampelan kualiti air sungai dijalankan secara berjadual dan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan iaitu 6 kali setahun. Parameter-parameter kualiti air yang diukur merangkumi parameter fizikal, kimia dan biological seperti Jadual 5.6.

PARAMETER / PARAMETER	UNIT / UNIT
Oksigen Terlarut / Dissolved Oxygen (DO)	mg/l, % saturated
Keperluan Oksigen Biokimia / Biological Oxygen Demand (BOD)	mg/l
Keperluan Oksigen Kimia / Chemical Oxygen Demand (COD)	mg/l
Pepejal Terampai / Suspended Solid (SS)	mg/l
pH	unit
Ammoniacal Nitrogen (NH_3-N)	mg/l
Suhu / Temperature	°C
Konduktiviti / Conductivity	µS
Kemasinan / Salinity	ppt
Kekeruhan / Turbidity	NTU
Pepejal terlarut / Dissolved solids	mg/l
Pepejal / Total solids	mg/l
Nitrat / Nitrate (NO_3)	mg/l
Klorida / Chloride (Cl)	mg/l
Fosfat / Phosphate (PO_4)	mg/l
Arsenik / Arsenic (As)	mg/l
Merkuri / Mercury (Hg)	mg/l
Kadmium / Cadmium (Cd)	mg/l
Kromium / Chromium (Cr)	mg/l
Plumbum / Lead (Pb)	mg/l
Zink / Zinc (Zn)	mg/l
Kalsium / Calsium (Ca)	mg/l
Ferum / Ferum (Fe)	mg/l
Kalium / Potassium (K)	mg/l
Magnesium / Magnesium (Mg)	mg/l
Natrium / Sodium (Na)	mg/l
Minyak dan Gris / Oil and Grease (O&G)	mg/l
Methylene Blue Active Substances (MBAS)	mg/l
E-coli	cfu/100ml
Total Coliform	cfu/100ml

Jadual 8.5 : Parameter-Parameter Pengukuran Kualiti Air Sungai.

JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

PENDIDIKAN & KESEDARAN ALAM SEKITAR

PENDIDIKAN ALAM SEKITAR

Unit Pendidikan dan Sebaran Maklumat diwujudkan bertujuan untuk menjalankan pelbagai aktiviti kesedaran kepada orang awam. Objektif unit ini adalah untuk mewujudkan dan melahirkan kesedaran dan keprihatinan terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar serta menyemai rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk memulihara kesejahteraan keharmonian dan kebersihan alam sekitar. **Jadual 6.1** menunjukkan aktiviti-aktiviti pendidikan yang telah dianjurkan oleh Jabatan ini bersama dengan Rakan Strategik (RS) JAS Perak sepanjang tahun 2022.

AKTIVITI - AKTIVITI PENDIDIKAN

Ceramah Alam Sekitar

Pada tahun 2022, sebanyak 23 ceramah telah disampaikan kepada pelajar-pelajar sekolah, institut pengajian tinggi, agensi kerajaan dan swasta serta orang awam. **Jadual 6.1** adalah ceramah-ceramah yang disampaikan oleh pegawai Jabatan yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar, masalah dan isu-isu semasa pencemaran alam sekitar serta penerangan mengenai AKAS'74 dan peraturan- peraturan di bawahnya.

Bil.	Senarai Ceramah Alam Sekitar	Tarikh	Tempat	Bilangan Outreach
1	Tugas dan peranan masyarakat terhadap pemuliharaan alam sekitar	15.02.2022	Felcra Changkat Lada, Seberang Perak, Teluk Intan	150

2	Ceramah kesedaran alam sekitar	17.02.2022	Kg Redang Panjang, Batu Kurau	100
3	Ceramah SLAAS	23.02.2022	IPOH	100
4	Ceramah kesedaran alam sekitar	22.02.2022	IPOH	100
5	Ceramah SLAAS di TAKLIMAT PELAKSANAAN PROGRAM SEKOLAH LESTARI 2022	04.03.2022	Online	100
6	Taklimat SLAAS di Bengkel Pemantapan SLAAS	24.03.2022	Hotel Travelodge, Ipoh	100
7	Webinar Pengurusan Buangan Terjadual 2022 Anjuran JAS Pulau Pinang	31.03.2022	Medium Online	350
8	Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 & Penganugerahan Lestari Tahun 2022 - Taklimat Pengurusan Buangan Terjadual & Efluen Perindustrian	30.03.2022	Hotel Kinta Riverfron, Ipoh	350
9	Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 & Penganugerahan Lestari Tahun 2022 - Taklimat Pematuhan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014	30.03.2022	Hotel Kinta Riverfron, Ipoh	350

10	Ceramah SLAAS di SMK Tengku Menteri, Taiping	11.05.2022	SMK Tengku Menteri, Taiping	700
11	Webinar Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik di Sekolah anjuran SK Sultan Yussuf, Pusing	15.04.2022	Medium Online	250
12	Webinar Program Penganugerahan Kilang Sarung Tangan Getah Lestari Anugerah Alam Sekitar Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022	22.04.2022	Medium Online	30
13	Taklimat Pengenalan mengenai pengurusan buangan terjadual di malaysia dan peraturan-peraturan pengurusan sisa buangan terjadual anjuran JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK	23.05.2022	Dewan Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Ipoh	100
14	Webinar - Refresh SLAAS	23.05.2022	Medium Online	30
15	Ceramah Pengurusan Buangan Terjadual di KPJ Taiping	4.6.2022	KPJ Taiping	100
16	Ceramah Pengenalan Pencemaran Alam Sekitar di SMK Sg Manik	22.06.2022	Teluk Intan	100
17	Ceramah E-waste di SMK Doktor Burhanuddin	19.09.2022	Taiping	1100
18	Ceramah Alam Sekitar di Kolej Kemahiran Tinggi MARA	26.09.2022	Lenggong	500

19	Ceramah E-waste di SK Kuak Luar	14.09.2022	Pengkalan Hulu	300
20	Ceramah Alam Sekitar di II-VI Malaysia Advanced Manufacturing Centre Sdn Bhd	6 Okt 2022	IPOH	70
21	Ceramah Larangan Pembakaran Terbuka	29.10.2022	Ipoh	250
22	Ceramah E-waste	29.10.2022	Ipoh	250
23	Ceramah E-waste	31.10.2022	Ipoh	100

Jadual 6.1: Senarai Ceramah 2022.



***Gambarfoto 6.1**: Ceramah yang disampaikan kepada Tenaga Nasional Berhad(TNB).*

Pameran Alam Sekitar

Pada tahun 2022, sebanyak 13 pameran alam sekitar telah disertai oleh JAS PERAK sempena aktiviti-aktiviti kesedaran alam sekitar yang dianjurkan oleh pihak sekolah, institut pengajian tinggi, pihak kerajaan dan swasta serta orang awam seperti ditunjukkan dalam **Jadual 6.2**. Bahan- bahan penerbitan telah diedarkan kepada pelawat-pelawat yang mengunjungi gerai pameran JAS PERAK.

Bil.	Senarai Pameran Alam Sekitar	Tarikh	Tempat	Bilangan Outreach
1	Pameran di Hari Bertemu Pelanggan	08.02.2022	Stadium Indera Mulia, Ipoh	700
2	Pameran Alam Sekitar di Majlis Lawatan Kerja Duta dari Kesatuan Eropah	02.03.2022	Hotel Casuarina@Meru, Ipoh	200
3	Pameran Alam Sekitar di Bengkel Pemantapan SLAAS	24.03.2022	Hotel Travelodge, Ipoh	100
4	Pameran Alam Sekitar di Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 & Penganugerahan Lestari 2022	30.03.2022	Hotel Kinta Riverfront, Ipoh	350
5	Pameran Gambar kempen Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik di Majlis Pelancaran Kempen pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (E-waste) Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Perak Tahun 2022	8-Jun-22	Hotel Travelodge, Ipoh	170

6	Pameran Interaktif Sempena Program Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), Pelancaran Inisiatif Saringan Kebangsaan dan Sambutan Hari Malayria Kebangsaan 2022	16 - 17 Julai 2022	Bulatan Meru, Ipoh	1000
7	Pameran E-waste di Enviro Challenge JAS Perak 2022 kategori Pelajar Sekolah Rendah	6 Ogos 2022	Taman Dr Seenivasagam	250
8	Pameran Eksplorasi Watan Kita (Ewata)	4 Ogos 2022	Pulau Pangkor	500
9	Pameran di Hari Tanpa Kenderaan Majlis Perbandaran Taiping	17-Sep-22	Taiping	1000
10	Pameran E-waste di Majlis Pelancaran HASN 2022 Peringkat Negeri Perak	29-30.10.2022	Ipoh	1000
11	Pameran E-waste di Minggu SHE di Hume Cement Sdn Bhd, Kampar	10.11.2022	Kampar	300
12	Pameran Alam Sekitar di Stadium Indera Mulia, Ipoh	1 - 4 Dis 2022	Stadium Indera Mulia, Ipoh	5000
13	Pameran gambar Program-program Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 di Majlis Penutup Hari Alam Sekitar Negara 202	22 Disember 2022	INTIM, Ipoh	300

Jadual 6.2: **Senarai Pameran 2022**



Gambarfoto 6.2: Perasmian dan penerangan mengenai JAS semasa pameran

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2022

Tema HASN pada tahun 2022 adalah “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”. Tema ini menekankan keperluan penglibatan pelbagai pihak dalam menangani isu alam sekitar termasuk bagi menjayakan program kesedaran.

Objektif sambutan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan orang ramai, mengeratkan dan mempertingkatkan kerjasama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam pengurusan alam sekitar dan menggalakkan kerjasama antara pelbagai agensi seperti pertubuhan bukan kerajaan, agensi swasta, individu dan sebagainya dalam usaha pemuliharaan alam sekitar. **Jadual 6.3** : Menunjukkan program-program atau aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan dan dilaksanakan sempena sambutan HASN 2022 Peringkat Negeri Perak.

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara	Tarikh	Tempat	Bilangan Outreach
1	Pelancaran Soft Launch Hari Alam Sekitar Negara 2022 Bersama Majlis Bandaraya Ipoh	22.04.2022	Taman DR Seenivasagam, Ipoh	500

2	Enviro Challenge JAS Perak 2022 Kategori IPT	31.07.2022	Taman DR Seenivasagam, Ipoh	250
3	Majlis Pelancaran Program Anugerah Masjid Lestari - Anugerah Alam Sekitar	23 Julai 2022	INTIM	150
4	Enviro Challenge JAS Perak 2022 Kategori Sekolah Rendah	6 Ogos 2022	Taman DR Seenivasagam, Ipoh	250
5	Enviro Challenge JAS Perak 2022 Kategori Sekolah Menengah	20.08.2022	Taman DR Seenivasagam, Ipoh	130
6	Enviro Challenge JAS Perak 2022 Kategori Industri	13 - 14 Ogos 2022	Taman DR Seenivasagam, Ipoh	150
7	Pertandingan Penulisan Karya Puisi dan Pantun Alam Sekitar	30.07 - 30.09.2022	Online	500
8	Anugerah Lestari Alam Sekitar - Premis Berasaskan Mineral	12-19/9/2022	Perak	2000
9	Anugerah Lestari Alam Sekitar - PYDTBT	26-29/9/2022	Perak	3000
10	Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Tatacara Penggunaan Eswis & Larangan Pembakaran Terbuka	07.09.2022	Manjung	350
11	Pertandingan Fotografi Alam Sekitar	25.07-7.10.2022	Perak	1000

12	Water Rafting Siri 2 - Bengkel Pemantapan Minda & Fizikal Segmen Alam Sekitar	23-25/9/2022	Selama	150
13	Program KUDAH bersama YTL Cement	15.10.2022	Lembah Sahom, Gopeng	130
14	Majlis Pelancaran Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak	29.10.2022	AEON Falim, Ipoh	900
15	Ceramah Umum Larangan Pembakaran Terbuka, dan Ewaste Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak	29.10.2022	AEON Falim, Ipoh	300
16	Pertandingan Akhir Karaoke Lagu Alam Sekitar Sempena hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak	29.10.2022	AEON Falim, Ipoh	150
17	Seminar Perdana Alam Sekitar Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak	30.10.2022	AEON Falim, Ipoh	200
18	Pertandingan Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (E-waste) Peringkat Negeri Perak (Kategori PBT)	29.10.2022	AEON Falim, Ipoh	300
19	Pertandingan Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (E-waste) Peringkat Negeri Perak (Kategori Sekolah)	29.10.2022	AEON Falim, Ipoh	900

20	Pameran Agensi-agensi kerajaan dan Swasta serta Kaunter Pembayaran Pengurangan Saman PDRM sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak	29 - 30.10.2022	AEON Falim, Ipoh	1000
21	Pengujian Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Bermotor sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak	29.10.2022	AEON Falim, Ipoh	900
22	Kempen Hindari Plastik Sekali Guna Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak	29.10.2022	AEON Falim, Ipoh	900
23	Anugerah Ikon Muda Alam Sekitar	20/7 - 6 Oktober 2022	Ipoh	100
24	Pertandingan Kuiz Online Alam Sekitar	Julai 2022 - 7 Disember 2022	Online	
25	Majlis Penutup Hari Alam Sekitar Negara 2022	22 Disember 2022	INTIM, Ipoh	300

Jadual 6.3: Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2022



Gambarfoto 6.3: Perasmian Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2022 Peringkat Negeri Perak di AEON MALL Farlim, IPOH

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) 2022

Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) disambut setiap tahun pada 5 Jun oleh setiap negara dan masyarakat sedunia. Pelbagai program telah dianjurkan dan dilaksanakan oleh JAS Perak supaya unsur-unsur pemantauan dan paling penting adalah penglibatan secara "Hands-On" oleh anggota masyarakat untuk membantu agensi-agensi kerajaaan yang bertanggungjawab membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan alam sekitar dapat diterapkan dan dibudayakan. **Jadual 6.4** adalah menunjukkan program-pragram yang telah dilaksanakan bagi sambutan WED 2022 di Negeri Perak.

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Bumi	Tarikh	Tempat	Bilangan Outreach
1	Bengkel Pemantapan Promosi Penyertaan SLAAS Sekolah-Sekolah di seluruh Perak	24.03.2022	Hotel Travelodge, Ipoh	100
2	Program Santuni Asnaf dan Kumpulan Sasar Ramadhan 1443H - Anak-Anak Yatim Pertubuhan Baitul Aini, Ipoh	16.04.2022	Mydin RTC Gopeng	350

3	Program Santuni Asnaf dan Kumpulan Sasar Ramadhan 1443H - Warga Emas PEKITA, Lahat	16.04.2022	PEKITA, Lahat	50
4	pelancaran kempen pengumpulan buangan elektrik & elektronik (e-waste) peringkat mbi dan sambutan Hari Bumi 2022	22.04.2022	Tamn DR Seenivasagam	500
5	Program Santuni Asnaf dan Kumpulan Sasar Ramadhan 1443H - Pelajar Tahfiz & Asnaf	25.04.2022	Rantau Panjang, Selama	300
6	Ops Gempur Pra Raya	26 - 28.04.2022	JAS Perak	70

Jadual 6.4: *Senarai program sempena sambutan WED 2022 di Negeri Perak Darul Ridzuan*



Gambarfoto 6.4: Aktiviti sempena sambutan WED 2022 di negeri Perak Darul Ridzuan.

Sambutan Hari Bumi Sedunia di Negeri Perak

Bersempena Hari Bumi Sedunia yang disambut setiap tahun pada tanggal 22 April di seluruh dunia, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak telah merancang pelbagai aktiviti dengan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang aktif dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Sebanyak enam (6) aktiviti program bagi sambutan Hari Bumi yang dirancang oleh JAS Perak telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2022 seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 6.5**. Tema sambutan Hari Bumi Sedunia tahun 2022 adalah **"INVEST IN OUR PLANET"** diharapkan dapat menerapkan nilai-nilai murni alam sekitar selaras dengan dasar /agenda kerajaan negeri dalam usaha-usaha pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar di Negeri Perak, dengan tema **"PERAK BUMI LESTARI"**.

Sambutan Hari Ozon Sedunia

Tanggal 16 September setiap tahun merupakan Hari Ozon Antarabangsa dan di Malaysia, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak memainkan peranan bagi menjayakan hari sambutan tersebut. Bagi meneruskan sambutan tersebut, JAS Negeri Perak telah mengadakan program Pertandingan Kuiz Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon 2022 Peringkat Negeri Perak di samping Enviro Ride Bermotosikal Rakan Alam Sekitar Sempena Hari Ozon Sedunia 2022 bagi mempromosikan dan menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan ozon dalam penghawa dingin kenderaan dan penggunaan bahan refrigeran seperti R11, R12 ,R22 dan lain-lain refrigeran seumpama ini yang mengandungi CFC dalam kehidupana seharian.

PROGRAM PENGUMPULAN BEE / e-WASTE BERSAMA KERAJAAN NEGERI

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak dan Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Rakan Strategik (RS) telah berjaya menganjurkan program Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (E-Waste) sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak bermula 1 Januari 2022 hingga 22 Oktober 2022 seluruh Perak.

Program ini merupakan salah satu program yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak bagi mempromosikan aktiviti-aktiviti yang sedang atau dijalankan dengan kerjasama Rakan Strategik (RS) bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak bagi tahun ini. Pelaksanaan program ini juga bagi merealisasikan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di negeri Perak.

Tujuan program kempen Pengumpulan E-Waste ini diadakan adalah untuk mendapatkan kerjasama kerajaan negeri untuk melaksanaan program kempen pengumpulan e-waste anjuran di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri Perak yang melibatkan penduduk setempat. Di Negeri Perak terdapat 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu :-

i. Majlis Bandaraya IPOH
ii. Majlis Perbandaran TAIPING
iii. Majlis Perbandaran TELUK INTAN
iv. Majlis Perbandaran KUALA KANGSAR
v. Majlis Perbandaran MANJUNG
vi. Majlis Daerah KAMPAR
vii. Majlis Daerah SELAMA
viii. Majlis Daerah TANJUNG MALIM
ix. Majlis Daerah BATU GAJAH
x. Majlis Daerah LENGGONG
xi. Majlis Daerah GERIK
xii. Majlis Daerah PENGKALAN HULU

xiii. Majlis Daerah PERAK TENGAH

xiv. Majlis Daerah TAPAH

xv. Majlis Daerah KERIAN

Kempen Kesedaran Pengumpulan Buangan Elektrikal & Elektronik (E-Waste) di seluruh Negeri Perak yang melibatkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) & Premis Industri telah berjaya menjadikan Negeri Perak Darul Ridzuan telah diisytiharkan sebagai **negeri yang tertinggi** dalam kutipan E-Waste iaitu sebanyak 313 Tan bagi tahun 2022.

CAWANGAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK

- **CAWANGAN TAIPING**
- **CAWANGAN TELUK INTAN**
- **CAWANGAN GOPENG**



JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK

CAWANGAN TAIPING

TREN PEMERIKSAAN BAGI TAHUN 2021-2022

Sebanyak 233 pemeriksaan telah dijalankan pada tahun 2021 manakala pada tahun 2022, sebanyak 234 pemeriksaan yang merangkumi aspek KKS, PYBDT dan IWK. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 43 pemeriksaan melibatkan KKS telah dijalankan pada tahun 2021 manakala pada tahun 2022, sebanyak 48 pemeriksaan telah dijalankan. Bagi yang melibatkan PYBDT, sebanyak 171 pemeriksaan telah dijalankan pada tahun 2021 berbanding dengan tahun 2022 yang mengalami penurunan sedikit iaitu sebanyak 164 pemeriksaan telah dijalankan. Bagi pemeriksaan yang melibatkan IWK, sebanyak 43 pemeriksaan telah dijalankan pada tahun 2021 manakala 48 pemeriksaan telah dijalankan pada tahun 2022, melebihi sedikit daripada tahun 2021. Pemeriksaan dilakukan bertujuan supaya pihak industri mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang tertakluk di bawah akta tersebut.



Rajah 11.1: Data Tren Pemeriksaan bagi Tahun 2021-2022.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG DIAMBIL

Sebanyak 230 “Field Citation” telah dikeluarkan pada tahun 2021 manakala 264 “Field Citation” dikeluarkan pada tahaun 2022. Bagi tindakan Notis Arahan pula, sebanyak 37 notis telah dikeluarkan pada tahun 2021 berbanding pada tahun 2022 yang meningkat kepada 69 notis. Bagi tindakan kompaun, sebanyak 243 kompaun telah dikeluarkan kepada industri yang berkaitan untuk tahun 2021, manakala bagi tahun 2022, 115 kompaun telah dikeluarkan kepada pihak yang berkaitan. Sebanyak 3 penahanan kelengkapan telah dilakukan bagi tahun 2021 dan 2022. Bagi penyediaan kertas siasatan pula, sebanyak 10 kertas siasatan telah dikeluarkan pada tahun 2021 dan 3 kertas siasatan dikeluarkan pada tahun 2022. Tiada perintah larangan dilakukan bagi kedua-dua tahun.



Rajah 11.2 : Data Tren Tindakan Penguatkuasaan bagi Tahun 2021-2022

OPERASI BERSEPADU

Berdasarkan data yang diperolehi di **Rajah 11.3,** sebanyak 29 (91%) operasi bersepadu telah dijalankan sepanjang tahun 2021 manakala pada tahun 2022, sebanyak 3 (9%) operasi bersepadu telah dijalankan sepanjang tahun tersebut. Operasi bersepadu dijalankan adalah untuk memastikan pihak industri mematuhi peraturan-peraturan yang tertakluk dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.



Rajah 11.3 : Data Operasi Bersepadu bagi tahun 2021-2022.

TREN KATEGORI ADUAN DITERIMA OLEH JAS TAIPING

Sebanyak 85 aduan berkaitan udara telah diterima bagi tahun 2021, manakala 96 aduan diterima pada tahun 2022. Bagi aduan berkaitan tumpahan minyak, 1 aduan telah diterima oleh pihak JAS Taiping di kedua-dua tahun. Bagi kategori aduan bunyi bising, sebanyak 4 aduan telah diterima bagi tahun 2021 manakala 3 aduan telah diterima pada tahun 2022. Untuk aduan yang berkaitan dengan air pula, sebanyak 12 aduan telah diterima pada tahun 2021, lebih tinggi berbanding tahun 2022, yang menerima 4 aduan pada tahun tersebut. Bagi buangan terjadual, 1 aduan telah diterima berkaitan permasalahan tersebut pada tahun- tahun berikut. Untuk makluman, kedua-dua tahun ini tidak menerima sebarang aduan berkaitan gegaran, tanah dan lain-lain.



Rajah 11.4: Tren Kategori Aduan Diterima bagi Tahun 2021-2022.

TREN KERJA-KERJA LAIN

Berdasarkan data yang diperolehi **(Rajah 11.5)**, sebanyak 14 Input Lesen telah dilakukan pada tahun 2021 berbanding tahun 2022 iaitu sebanyak 6 Input Lesen telah dilakukan. Bagi Pemantauan Sungai, 92 pemantauan telah dijalankan pada tahun 2021 dan tiada pemantauan dilakukan pada tahun 2022. Untuk rondaan OMPT, 160 rondaan telah dijalankan pada tahun 2021 dibanding dengan tahun 2022 yang sedikit rendah iaitu 136 rondaan Sahaja yang telah dilakukan sepanjang tahun tersebut. 20 mesyuarat telah dijalankan sepanjang tahun 2021 manakala 40 mesyuarat telah dijalankan sepanjang tahun 2022. Bagi penglibatan Puspakom, sebanyak 9 penglibatan pada tahun 2021 manakala 4 penglibatan pada tahun 2022. Untuk yang melibatkan Siasatan Aduan, sebanyak 120 aduan telah dimulakan siasatan pada tahun 2021 manakala 61 aduan telah mula disiasat pada tahun 2022. Untuk ops bersepadu, 29 operasi telah dijalankan sepanjang tahun 2021, dan bagi tahun 2022, sebanyak 3 operasi telah dijalankan pada tahun tersebut. Untuk perkhidmatan konsultansi, pihak JAS Taiping telah menjalankan sebanyak 103 konsultansi sepanjang tahun 2021, dan pada tahun 2022 mempunyai sedikit peningkatan iaitu 117 konsultansi telah dilakukan.



Rajah 11.5: Tren Kerja-Kerja Lain bagi tahun 2021-2022.

JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK

CAWANGAN TELUK INTAN

Perjawatan JAS Cawangan Teluk Intan Tahun 2021.





Perjawatan JAS Cawangan Teluk Intan Tahun 2022.





Tren Pemeriksaan dan Tindakan Penguatkuasaan JAS Cawangan Teluk Intan Bagi Tahun 2021 & 2022.



Rajah 12.1: Pencapaian JAS Teluk Intan 2022.



Rajah 12.2: Trend Tindakan Pemeriksaan 2021-2022.

Operasi Bersepadu Yang Diselaraskan oleh JAS Teluk Intan

OPS TAHUN 2021.

OPS Teras Bersama KPAS, TKPO, Pengarah K, Pengarah P & W, Unit Integriti (Januari 2021).



Ops Jihad (Februari 2021).



Lawatan Bersama JAS Teluk Intan,Seksyen Input dan Seksyen EIA ke Kawasan Kes Hutan Simpan Segari Melintang , Kes SADC dan Kes Petron Lumut Plant - (Mac 2021).



Ops Kuari dan Ops Malam Kawasan Perindustrian Kampung Acheh - Jun 2021.



OPS Gerak (8 Disember 2021).



OPS TAHUN 2022.

OPS Gempur 2022: 12 – 13 Disember 2022.







OPS Gerak (Disember 2022).



Lain-lain Program Yang Diselaraskan oleh JAS Cawangan Teluk Intan 2021.

Nama Program: Program E-Waste Dengan Petron Malaysia Refining (Februari 2021).



Nama Program: Program Penanaman Pokok Bakau Sempena Hari Hutan Sedunia bersama pihak SADC Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Manjung dan pihak MPM (Mac 2021)



Nama Program: Program Denai Sungai Dengan JPS Hilir Perak (Mac 2021)



Nama Program: "Plogging" Climate Change Hari Tanpa Kenderaan 2021 Sempena Ulang Tahun MPTI Ke-17 dan Program Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik dari Isi Rumah (E-Waste)

Tarikh: 10 April 2021



Nama Program: Vaksinasi Covid-19 Dos Pertama untuk Pegawai Teknikal JAS Teluk Intan

Tarikh: 22 April 2021



Nama Program: Raya JAS Teluk Intan-Mei 2021



Nama Program: Vaksinasi Covid-19 Dos Kedua untuk Pegawai Teknikal JAS Teluk Intan

Tarikh: 18 Mei 2021



Nama Program: Taklimat E-Swiss

Tarikh: 20 Sep 2021



Nama Program: Lawatan Pelajar Latihan Industri ke premis SPPM Oil Sdn. Bhd.

Tarikh: 1 October 2021





Nama Program: Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Sempena Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak - Serahan Barangan Kempen Kepada Pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan dan Majlis Perbandaran Manjung bagi Kempen EWaste Antara PBT (Oktober 2021)







Lain-lain Program Yang Diselaraskan oleh JAS Cawangan Teluk Intan 2022.

Nama Program: Program Retreat, Teambuilding dan Majlis Apresiasi JAS Perak

Tarikh: 16 – 18 Jan 2022.





Nama program: Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Tatacara Penggunaan Sistem E-Swis & Larangan Pembakaran Terbuka Peringkat Negeri Perak

Tarikh: 7 September 2022



Nama program : Program Komuniti Bersama Majlis Perbandaran Teluk Intan " Say No to Open Burning & E-Waste Collection "

Tarikh: 25 September 2022









Nama Program : Enviro Challenge Lumut Waterfront

Tarikh : 13-14 Oktober 2022



JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK

CAWANGAN GOPENG

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Program-program penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Unit Kenderaan Bermotor Jabatan Alam Sekitar Perak pada tahun 2022 adalah seperti berikut :

1. Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Daripada Kenderaan Diesel

Pengawalan pelepasan daripada enjin diesel kenderaan bermotor dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. Bagi mengawal pelepasan asap hitam dari kenderaan bermotor ini dua (2) kaedah operasi utama telah dijalankan iaitu:

a) Operasi Statik Bersepadu bersama agensi penguatkuasa iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan; dan

b) Operasi Catat/ Kamera Video dimana operasi ini dijalankan menggunakan kaedah merakamkan gambar tetap *(still photo)* atau gambar bergerak menggunakan Kamera Video atau Kamera Digital terhadap kenderaan yang didapati secara visual melepaskan asap hitam berlebihan.

(i) Operasi Statik Penguatkuasaan Pelepasan Kenderaan Berenjin Diesel Bersama Agensi Penguatkuasa

Bagi tahun 2022, sebanyak 30 operasi bersepadu bagi kenderaan diesel telah dijalankan dan daripada operasi tersebut, sebanyak 2,573 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa dan 172 tawaran kompaun telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan 78 Notis Arahan Pemeriksaan di bawah Seksyen 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk menjalani pemeriksaan semula asap hitam di Puspakom ke atas kenderaan yang melepaskan asap melebihi 50% ketumpatan.

(ii) Operasi Catat/ Kamera Video Menggunakan Kamera Video atau Kamera Digital

Operasi Catat adalah satu kaedah pemerhatian dan penguatkuasaan pelepasan asap hitam kenderaan diesel melalui visual menggunakan kamera video. Bagi tahun 2022 sebanyak 250 operasi catat telah dijalankan dimana 34,726 buah kenderaan diesel telah dicatat. Daripada jumlah tersebut, 24 buah kenderaan telah didapati melepaskan asap hitam berlebihan dan diberi Notis Arahan Pemeriksaan di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk menjalani pemeriksaan asap hitam di Puspakom.

2. Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol, Gas Motosikal dan Bunyi Bising Motosikal

Pengawalan pelepasan daripada enjin petrol kenderaan bermotor dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Gas-gas yang diuji adalah gas Karbon Monoksida (CO) dan gas Hidrokarbon (HC) dengan menggunakan meter gas TEN Innova. Standard pelepasan yang dibenarkan bagi model kenderaan sebelum 1 Januari 1997 adalah CO(4.5%) dan HC(800 ppm) manakala bagi model kenderaan selepas 1 Januari 1997 pula CO(3.5%) dan HC(600 ppm).

i) Bagi tahun 2022 sebanyak 2 operasi bersepadu bagi kenderaan Petrol telah dijalankan, sebanyak 2 buah kenderaan telah diberi Notis Arahan dibawah Seksyen 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

ii) Bagi Kawalan terhadap peraturan di bawah Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003, sebanyak 2 Operasi telah dijalankan dengan sebuah kenderaan motosikal dikenakan tindakan Notis Arahan dibawah Seksyen 48(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 .

iii) Bagi pemeriksaan ujian bunyi bising motosikal yang dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987, sebanyak 2 Operasi telah dijalankan dan 10 tawaran kompaun telah dikeluarkan.

3. Program Pemeriksaan Ke atas Premis Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Bagi tahun 2022 sebanyak 20 buah premis pengendali berkumpulan di Negeri Perak telah diperiksa dan diarah menyediakan serta mengemaskini buku log. Sebanyak 15 tindakan kompaun telah dikeluarkan kepada *Fleet Operator* pada tahun 2022 di atas kesalahan Pematuhan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

PENTADBIRAN



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

96.20%
Pengisian Jawatan di JAS Perak sehingga 31.12.2022 / **Occupancy of Doe Perak as 31 Dicember 2022** Penjawatan / Position : 79 Pengisian / Occupancy : 76 Kekosongan / Vacancy : 3

Sebanyak 3 kekosongan jawatan di JAS Negeri Perak iaitu bagi jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41/44 (1) kekosongan dan Pembantu Operasi (2) kekosongan.

100%
Peratus Pegawai Menghadiri Kursus Bagi Tahun 2022 / Percentage of Officers Attending Courses in 2022 76 pegawai hadir kursus tujuh (7) hari dan lebih kursus bagi tahun *2022 / 76 Perak Doe staff attendin courses for seven (7) days or more in 2022*

Semua pegawai telah menghadiri kursus 7 hari setahun yang telah ditetapkan pada tahun 2022.

6 Orang / employees
Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2022 **Recipents of Excellent Service Award (APC) 2022**

Pegawai JAS Perak yang menerima APC Tahun 2022 adalah seperti berikut:

1) Encik Mohd Jamali bin Majid
2) Puan Norzalizah binti Bahazin
3) Encik Aminnudin bin Abdlullah

4) Puan Nurzira binti Ramly
5) Puan Siti Latifah binti Harun
6) Encik Rahmat bin Basri

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK
TAHUN 2022



MOHD JAMALI BIN MAJID
PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR
GRED C44



AMINUDDIN BIN ABDULLAH
PENOLONG JURUTERA
GRED JA29



NORZALIZAH BINTI BAHAZIN
PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR
GRED C32



NURZIRA BINTI RAMLY
PENOLONG JURUTERA
GRED JA29



SITI LATIFAH BINTI HARUN
PENOLONG AKAUNTAN
GRED W29



RAHMAT BIN BASRI
PEMANDU
GRED H11

Bilangan pegawai lelaki JAS Perak lebih ramai berbanding pegawai perempuan iaitu 50:26.

BILANGAN PEGAWAI MENGIKUT JANTINA / NUMBER OF OFFICERS BY GENDER	
Lelaki/ Male	50
Perempuan / Female	26

Bilangan pegawai penguatkuasa di JAS Perak seramai 61 orang berbanding pegawai gunasama seramai 18 orang.

BILANGAN PENJAWATAN / NUMBER OF POSITION	
Pegawai Penguatkuasa / Enforcement Officer	61
Pegawai Gunasama / Common-Users Services	18

Bilangan pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional di JAS Perak seramai 14 orang

BILANGAN KUMPULAN PENJAWATAN NUMBER OF RECRUITMENT GROUP	
Pengurusan & Profesional / Menagement & Professionals	14

berbanding pegawai kumpulan pelaksana seramai 65 orang

Pelaksana / Perfomer	65

Pelbagai skim pegawai dan kakitangan JAS Perak antaranya skim sains 41 orang, skim kejuruteraan 20 orang, skim pentadbiran 7 orang, skim akaun 2 orang dan lain-lain skim 9 orang.

BILANGAN PEGAWAI JAS MENGIKUT SKIM/ NUMBER OF SKIM SKILL	
Sains / Science	41
Kejuruteraan / Engineering	20
Pentadbiran / Admintrative	7
Akaun / Accounting	2
Lain-lain/ Others	9



PENGURUSAN KEWANGAN

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN JAS PERAK 2022

PERUNTUKAN 2022 / BUGGET ALLOCATION IN 2022	PERBELANJAAN 2022 / EXPENDITURE IN 2022
244,500.00	244,494.74

JAS Perak pada 2022 telah menerima peruntukan sebanyak RM244,500.00 dan telah membelanjakan sebanyak RM244,494.74. Manakala prestasi perbelanjaan adalah sebanyak 99.98%.

Daripada keseluruhan peruntukan yang diterima, sebanyak RM159,500.00 diperuntukan kepada Pembangunan Program Pencegahan dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Serta Kawasan Lain Berisiko Kebakaran Untuk Mengatasi Jerebu. Manakala sebanyak RM25,000.00 diperuntukan kepada Program Smart Enforcement. Lain-lain peruntukan adalah bagi Program Kesedaran Alam Sekitar dan Penyelenggaraan ICT.

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2022

OBJEK AM / GENERAL OBJECT	PERIHAL OBJEK AM / DESCRIPTION OG GENERAL OBJECT	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM) / ALLOCATION APPROVER	PERBELANJAAN 2022 / EXPENDITURE IN 2022
10000	Emolumen/ Emolument	3,993,457.18	5,040,343.00
20000	Perkhidmatan dan Bekalan / Services / Supplies	1,514,965.00	1,530,407.09
30000	Aset / Assets	0.00	0.00
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap / Grants dan Fixed Charges	50,000.00	49,988.00
JUMLAH KESELURUHAN /TOTAL		5,558,422.18	6,620,738.09

JAS Perak pada tahun 2022 telah menerima peruntukan di bawah vot Mengurus B33 sebanyak RM5,558,422.18 dan telah belanja sebanyak RM6,620,738.09. Perbelanjaan melebihi peruntukan sebanyak RM1,062,315.91 adalah bagi pembayaran Emolumen, Bantuan Khas Kewangan (BKK) dan bayaran pukal utiliti yang boleh dibayar terus tanpa baki peruntukan.



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK